Terdapat empat (4) tatacara perolehan pengkomputeran awan seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan JDN | 1. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);<br>2. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;<br>3. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada mygovcloud@jdn.gov.my. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;<br>4. Mendapatkan kelulusan JPICT JDN; dan<br>5. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6. |
| 2 | Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan selain peruntukan JDN | 1. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);<br>2. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;<br>3. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada urussetiajtisa@jdn.gov.my dan mygovcloud@jdn.gov.my. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;<br>4. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6. |
| 3 | Kos RM5 juta dan ke atas | 1. Tatacara adalah sepertimana permohonan kelulusan teknikal JTISA;<br>2. Melaksanakan kajian pasaran terhadap empat (4) Panel Managed Service Provider (MSP);<br>3. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;<br>4. Permohonan dikunci masuk ke dalam Sistem PROFIT;<br>5. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6. |
| 4 | Kos projek kurang dari RM5 juta dan menggunakan peruntukan selain peruntukan JDN yang melibatkan Managed Service Provider (MSP) sebagai Pengedar Tunggal (Sole Provider) | 1. Melaksanakan kajian pasaran melalui pengedar tunggal;<br>2. Mendapatkan kelulusan JPICT di peringkat Kementerian/Agensi;<br>3. Melengkap dan menghantar templat permohonan perkhidmatan pengkomputeran awan kepada urussetiajtisa@jdn.gov.my dan mygovcloud@jdn.gov.my. Templat permohonan boleh didapati di portal JDN;<br>4. JDN mengesahkan bahawa produk hanya ditawarkan oleh satu CSP (pengedar tunggal) dan boleh dilaksanakan secara rundingan terus;<br>5. Melaksanakan perolehan mengikut tatacara yang ditetapkan PK2.6. |